

**SENTIMEN PRIMODIAL DAN KESEDARAN POLITIK  
DALAM PEMBANGUNAN POLITIK SABAH:  
PENELITIAN TERHADAP PRU-14  
*PRIMORDIAL SENTIMENT AND POLITICAL AWARENESS IN  
SABAH POLITICAL DEVELOPMENT: A RESEARCH IN THE GE-14***

EKO PRAYITNO JOKO<sup>1</sup>, ZAINI OTHMAN<sup>2</sup>,  
SAAT AWG DAMIT<sup>3</sup> & ALIAKBAR GULASAN<sup>4</sup>

Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah,  
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.

*ekoprayitnojoko@gmail.com; zo@ums.edu.my; saatag@ums.edu.my; aliakbar@ums.edu.my*

**ABSTRAK** Pembangunan sesebuah negara tidak hanya diukur melalui aspek mekanikal yang ditentukan oleh kemampuan membina bangunan pencakar langit semata-mata, tetapi juga aspek organik yang dilambangkan melalui sikap, literasi dan kefahaman masyarakatnya terhadap setiap isu yang dihadapi. Oleh itu, hasrat Malaysia untuk mencapai negara maju menjelang tahun 2020 yang tampaknya terpaksa ditunda tidak hanya ditandai dengan berdirinya bangunan-bangunan ‘raksasa’ tadi, malahan juga keberadaan masyarakat yang dibentuk untuk berfikiran kritis. Usaha tersebut yang merupakan matlamat tanpa akhir Malaysia sehingga kini dianggap sebagai ‘duri dalam daging’ kerana sistem berfikir masyarakatnya lebih banyak ditentukan oleh unsur ‘perasaan’ berbanding ‘rasional’. Perkara ini akhirnya menjadi perdebatan dalam kalangan saintis sosial tentang pengaruhnya dalam menentukan arah perjalanan Malaysia pada masa hadapan khususnya pada setiap kali Pilihan Raya Umum (PRU) diadakan. Bersandarkan kepercayaan bahawa ‘rakyat adalah raja’, maka sekali lagi persoalan tersebut berusaha difahami dengan melihat pengaruh sentimen primordial dan kesedaran politik dalam membentuk pola sokongan masyarakat khususnya di negeri Sabah yang dianggap sebagai *fixed deposit* Barisan Nasional (BN). Usaha ini direalisasikan dengan mengedarkan sebanyak lapan ribu borang soal selidik mencakupi kawasan pedalaman, luar bandar dan bandar bagi mendapatkan gambaran orientasi geopolitik bersifat keetnikan kerana merangkumi kawasan bumiputera dan bukan bumiputera serta merentasi batas agama. Hasil dapatan kajian mendapati pengaruh sentimen primordial semakin terhakis sifatnya dalam menentukan pola pengundian menjelang PRU-14, sedangkan persoalan kesedaran politik pula semakin mendapat tempat yang sepatutnya disebabkan proses globalisasi, kemajuan teknologi dan pengantian generasi.

**Kata kunci:** Sentimen primordial, kesedaran politik, pilihan raya umum, Sabah.

**ABSTRACT** *The development of a nation is not only measured by the mechanical aspect that determined by the ability to build the skyscrapers alone, furthermore the organic aspects are symbolized through attitudes, literacy and understanding of an issues. Therefore, Malaysia's aspiration to achieve a developed nation by the year 2020, seems to have been postponed regardless of a marked by the exists of these 'giant' buildings, instead of the existence a critical thinking of the community. The endeavor, which is Malaysia's endless goal, is now regarded as 'thorn in meat' because the way of thinking among the society is determined by the 'feeling' rather than a 'rational' approach. This is ultimately a debate among social scientists toward an influence of the future direction of Malaysia's vision especially every general election is held. The belief that, 'the people are the kings', once again raised an issues of understanding and influences about the 'primordial sentiment' and 'political awareness' to form a pattern for supporting community especially for the state of Sabah which is considered a fix deposit of the Barisan Nasional. To conceptualization the issues, an effort has been taken by distributing a total of eight thousand questionnaires that included rural and urban areas, in order to see the geo-political orientation of ethnicity as it encompasses indigenous and Non-Bumiputera areas, as well as across religious boundaries. The findings of this research shows that the influence of the 'primordial sentiment' has been eroded in determining the pattern of polling in the GE-14, whereas the 'political awareness' group were increasingly accepted due to the process of globalization, the advanced of technology and new generation.*

**Keywords:** *Primordial sentiment and political awareness, Sabah general election.*

## **PENGENALAN**

Pembangunan sesebuah negara tidak hanya diukur melalui aspek mekanikal yang ditentukan oleh kemampuan membina bangunan pencakar langit semata-mata, tetapi juga aspek organik yang dilambangkan melalui sikap, literasi dan kefahaman masyarakatnya terhadap setiap isu yang dihadapi. Oleh itu, hasrat Malaysia untuk mencapai negara maju menjelang tahun 2020 yang tampaknya terpaksa ditunda tidak hanya ditandai dengan berdirinya bangunan-bangunan ‘raksasa’ tadi, malahan juga keberadaan masyarakat yang dibentuk untuk berfikir kritis. Usaha tersebut yang merupakan matlamat tanpa akhir Malaysia sehingga kini dianggap sebagai ‘duri dalam daging’ kerana sistem berfikir masyarakatnya lebih banyak ditentukan oleh unsur ‘perasaan’ berbanding ‘rasional’. Perkara ini akhirnya menjadi perdebatan dalam kalangan saintis sosial tentang pengaruhnya dalam menentukan arah perjalanan Malaysia khususnya pada setiap kali PRU diadakan. Dengan kepercayaan bahawa ‘rakyat adalah raja’ kepada pemimpin, maka sekali lagi aspek tersebut berusaha difahami dalam melihat kemampuannya untuk memecahkan survival BN yang tidak pernah ditewaskan dalam sebarang pilihan raya sebelum ini. Apabila telusuran sejarah dilakukan, adalah didapati bahawa Sabah merupakan salah satu negeri yang sering mendapat perhatian setiap kali pilihan raya diadakan kerana dianggap sebagai *fixed deposit* kepada BN, seterusnya mampu menentukan parti yang akan menduduki Putrajaya. Dalam hal ini, ramai saintis sosial berpendapat bahawa faktor ‘pembangunan’ menjadikan rakyat Sabah masih berkeinginan untuk berpayung di bawah BN kerana sudah merasakan banyak pembaharuan telah dilakukan berbanding semasa berada di bawah pentadbiran parti lokal (Zaini *et al.*, 2016). Begitu pula, terdapat tanggapan bahawa ‘politik matang’ belum wujud di Sabah kerana aspek kemundurannya mempengaruhi tingkat pendidikan dan pemikiran masyarakatnya.

Namun, wacana tersebut masih boleh dihujahkan kerana terdapat sesetengah tempat di Sabah seolah-olah lebih terkesan dengan persoalan ‘pembangunan politik’ berbanding ‘politik pembangunan’ dalam menentukan wakil pemimpin di kawasan mereka. Hakikat ini dapat ditelusuri dengan memerhatikan perjalanan politik di beberapa kawasan seperti Kota Marudu, Kota Belud, Kudat dan Tamparuli yang sejak beberapa pilihan raya lepas

berjaya menafikan calon pemerintah di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen. Sedangkan, kedudukan kawasan ini terletak di bahagian pedalaman dan luar bandar yang jauh daripada pusat kota, manakala kebanyakan masyarakatnya hanyalah petani dan buruh sahaja. Oleh itu, adalah sangat menarik untuk memerhatikan kembali orientasi dan kecenderungan masyarakat Sabah dalam menentukan bakal pemimpin mereka menjelang PRU-14 bersandarkan kepada persoalan sejarah dan kehendak semasa. Pemahaman ini kelak mampu mematahkan tanggapan yang telah disebutkan dalam usaha membangun kefahaman baharu berkenaan kecenderungan berpolitik masyarakatnya. Dalam konteks tersebut, artikel ini mengupas segala kebarangkalian yang akan berlaku menjelang PRU-14 dengan mengangkat persoalan sentimen primodial dan kesedaran politik sebagai penentu sokongan politik masyarakatnya. Seterusnya, adakah dengan aspek ini masyarakat Sabah akan memberikan mandat sepenuh suara kepada BN memerintah di Sabah atau sebaliknya.

## **SENTIMEN PRIMODIAL DAN KESEDARAN POLITIK SEMASA PRU-14 DI SABAH: SUATU PERBAHASAN**

Budaya atau kebudayaan merupakan suatu aspek yang ruang lingkupnya sangat luas merangkumi pola berfikir, sikap dan tindakan, manakala politik pula berkaitan dengan pemerintahan. Maka dengan itu, budaya politik dapat didefinisikan sebagai pola berfikir, sikap dan tindakan individu atau sesebuah masyarakat dalam menyatakan sokongannya terhadap ahli politik atau parti politik. Secara umumnya, budaya politik mengutamakan dimensi psikologi yang menyentuh aspek sikap, sistem kepercayaan, simbol yang dimiliki oleh individu dan berlangsung dalam seluruh masyarakat lalu mempengaruhi matlamat politiknya. Persoalan psikologi dalam budaya politik ini secara tidak langsung mempengaruhi pembangunan politik di sesebuah negara yang dibatasi oleh dimensi 'ruang' dan 'waktu' disebabkan terhasil melalui interaksi antara sistem politik dengan dunia luar yang mencakupi persekitaran dalam masyarakat dan persekitaran di luar masyarakat mengikut semangat zamannya. Keadaan ini berlaku disebabkan politik adalah bersangkutan dengan kepentingan masyarakat dan bukannya bersifat kepentingan peribadi yang sebenarnya ditentukan bersandarkan dua aspek iaitu (i) sentimen

primodial dan (ii) kesedaran politik. Perkara tersebut bukanlah suatu yang menghairankan kerana budaya politik dalam sesebuah masyarakat dipengaruhi oleh persoalan agama, identiti etnik dan ruang wilayah yang dikelompokkan sebagai sentimen primodial dan mendahului pemikiran serta aspirasi politik mereka. Begitu pula, sentimen primodial ini dipercayai akan semakin terhakis melalui proses globalisasi dan penerapan nilai-nilai demokrasi dalam kalangan masyarakat generasi baharu menyebabkan persoalan integriti, kecekapan pentadbiran dan pembangunan menjadi pilihan utama aspirasi politik mereka.

Sentimen primodial yang berkaitan dengan nilai tradisi dalam penulisan ini merujuk kepada konsep sentimen primodial, manakala persoalan kesedaran politik yang semakin tertanam dalam kalangan masyarakat adalah merujuk kepada kesedaran politik. Dengan makna lain, konsep sentimen primodial adalah berkaitan dengan nilai semula jadi yang abstrak sifatnya dan terbentuk melalui persekitaran geografi, identiti keluarga, agama serta kelompok etnik sedangkan konsep kesedaran politik merangkumi nilai baharu yang non-abstrak sifatnya kerana menyentuh persoalan ruang persekitaran dan nilai wakil rakyat atau parti yang disokong. Umumnya, kedua-dua aspek tersebut menjadi wadah kepada saintis sosial dan saintis kemanusiaan dalam memaknai pembangunan politik di sesebuah negara kerana sokongan yang diberikan tidak terlepas dari konteks zaman setiap masyarakatnya. Hakikat ini semakin jelas dapat diperlihatkan apabila telusuran dilakukan terhadap negara-negara baharu muncul yang semakin disuburkan dengan nilai-nilai demokrasi, tetapi pada masa yang sama kehidupan masyarakatnya masih dekat dengan ikatan tradisi. Perkembangan ini secara tidak langsung mempertanyakan tentang pengaruh konsep sentimen primodial dan kesedaran politik dalam pembangunan politik di negara-negara baharu (Asia Tenggara), sama ada masih kekal berlandaskan kepada politik sempit atau ideologi. Dalam hal ini, Geertz misalnya yang mengkaji secara terperinci pembangunan politik di negara-negara baharu mendapati terdapat pertentangan antara kepentingan masyarakat yang ditentukan oleh (i) sentimen primodial dan (ii) kesedaran politik.

Kajian Geertz mendapati kebanyakan negara baharu tersebut yang mengarah kepada persoalan negara bangsa menghadapi dilema antara integrasi dan demokrasi berkaitan proses regionalisme, persekutuan, pertikaian antara etnik dan sentimen kedaerahan (Geertz, 1963). Oleh itu, walaupun negara-

negara baharu ini menghadapi proses globalisasi yang membawa secara bersama idea demokrasi, ikatan primordial masih merupakan salah satu aspek yang mempengaruhi masyarakatnya dalam menyatakan sokongan politik mereka. Pengaruh tersebut disebabkan kebanyakan negara baharu yang muncul ini rencam dari aspek keetnikan dan agama yang dibentuk melalui proses sejarah dari era kesultanan hingga era kolonial. Perkara sama tampaknya dapat diperhatikan keberadaannya di Malaysia apabila politik berasaskan kaum-etnik dan agama sentiasa mengiringi perkembangan politik masyarakatnya. Dalam membahaskan berkenaan politik perkauman ini, K.J. Ratnam (1969) membahaskan bahawa kehadirannya bukan sahaja disebabkan oleh faktor berlainan bangsa semata-mata, tetapi juga dipengaruhi oleh kelainan kebudayaan, perpecahan tempat kediaman yang ditentukan oleh fungsi etnik dalam ekonomi dan terdapat pertentangan tuntutan pelbagai kaum-etnik bersandarkan persoalan sejarah dan kehendak semasa. Maka, Tilman dengan berani menyatakan bahawa ‘parti yang tidak berasaskan perkauman’ sebenarnya tidak wujud di Malaysia Barat (Tilman, 1972: 212 dan Rustam, 2011: 2). Hakikat ini diperkukuhkan lagi melalui kajian MC Gee yang mendapati sokongan masyarakat dalam pilihan raya pada dekad 1950-an sangat ditentukan oleh faktor keetnikan dan kewilayahan sebagai tunjang utama (MC Gee, 1962: 70–99). Dengan pendapat sama, Vasil (1971) menekankan tentang survival parti politik di Malaysia sangat bergantung harap kepada aspek latar belakang etnik, komposisi etnik di kawasan pilihan raya dan juga isu-isu etnik yang diperjuangkan oleh parti politik semasa pilihan raya sedang berlangsung.

Pembentukan budaya politik sedemikian yang ditentukan oleh persoalan sentimen primordial sebagai panduan dalam penentuan politik di Malaysia perlu ditelusuri melalui pengalaman sejarah masyarakatnya di bawah pentadbiran kolonial. Hal ini demikian kerana kebanyakan sarjana berhujah bahawa perpaduan nasional yang menjadi matlamat akhir negara sehingga kini gagal diwujudkan kerana dasar yang dilaksanakan oleh British mengarah kepada pengasingan kaum melalui fungsi ekonomi. Abraham misalnya menyatakan konflik kaum-etnik yang terus berlangsung adalah disebabkan sistem penjajahan dan penaklukan telah mencorakan masyarakat yang amat berbeza sebelum penaklukan berlaku (Khoo, Lo, 1971: 209). Masalah perpaduan ini juga diperhatikan oleh Chew Hock Thye (1979) yang

meletakkan dasar pecah dan perintah yang dilaksanakan oleh pihak penjajah telah mewujudkan perbezaan etnik, politik, ekonomi dan pendidikan dalam kalangan masyarakat terjajah. Dalam membincangkan perkara ini juga, Sanusi Osman menyatakan bahawa parti politik perkauman di negara ini tidak bermatlamat mencari persefahaman dan mengurangkan perbezaan, sebaliknya bertindak menggunakan perbezaan yang wujud untuk memperjuangkan kepentingan setiap etnik (Sanusi, 1979: 53–54). Titik tolak ini kemudiannya dipercayai menjadi pemangkin kepada setiap etnik untuk mengangkat budaya dan kepentingan etnik mereka sebelum merdeka yang merangkumi persoalan isu bahasa rasmi dan pendidikan. Malangnya menurut Rabushka, pihak penjajah tidak mengambil inisiatif untuk menangani masalah terbabit menyebabkan krisis kemajmukan terus wujud selepas kemerdekaan Tanah Melayu (Rabushka, 1973: 62 & 254).

Masalah yang sama turut berlaku di Malaysia Timur yang terbukti jelas apabila kemunculan parti politik di wilayah terbabit membincangkan berkenaan gagasan pembentukan Malaysia diasaskan bersandarkan kepada kepentingan etnik-agama (Sabihah (a), 2008; dan Ahmad Nidzammudin *et al.*, 1994; Ramli *et al.*, 2017). Malahan, keadaannya lebih rumit kerana kepelbagaian etnik di wilayah terbabit jauh lebih besar berbanding di Tanah Melayu menyebabkan terdapat pelbagai parti politik yang berorientasikan etnik telah dimunculkan. Landskap politik tersebut kekal terpelihara walaupun setiap kaum berada dalam entiti politik yang sama. Interaksi dan komunikasi adalah terhad menyebabkan kurang berlakunya integrasi. Hakikat ini selari dengan kenyataan Furnival (1983) bahawa masyarakat majmuk mewujudkan bermacam ragam dalam satu unit politik yang bercampur, tetapi tidak bergabung dan masih berpegang teguh kepada agama, kebudayaan, bahasa, idea dan cara kehidupan yang tersendiri. Pemisahan ini dikatakan mampu membawa impak negatif dalam pembangunan politik di Malaysia kerana kerencaman tersebut berpotensi mencetuskan konflik antara etnik. Kemungkinan ini dinyatakan oleh Huntington melalui teori garis gelinciran yang mengangkat persoalan kerencaman warisan berasaskan perbezaan peradaban sebagai salah satu daripada faktor berlakunya konflik. Dalam konteks Malaysia, masyarakatnya kelihatan hidup tenang, namun sebenarnya terdedah kepada konflik antara kaum seperti yang dipertunjukkan melalui peristiwa 13 Mei 1969 di Kuala Lumpur dan rusuhan 1964 di Singapura,

manakala konflik berkaitan agama dapat dilihat melalui peristiwa Natrah 1950 di Singapura dan Darurat di Kota Kinabalu pada tahun 1985.

Keterikatan kepada persoalan sentimen primordial dalam politik Malaysia ini dikatakan masih relevan sehingga PRU-10 melalui kajian yang dilakukan oleh Mohd Yusof Kassim dan Azlan Ahmad (2002). Walau bagaimanapun, keterikatan ini ditunjukkan semakin berkurangan berbanding sebelumnya dan dijangkakan akan semakin cair sifatnya pada pilihan raya berikutnya. Kenyataan tersebut dapat ditelusuri melalui kajian yang dilakukan oleh Mohd Yusof Kasim dan Azlan Ahmad (2002) serta Francis Loh Kok Wah dan Johan Saravanamuttu (2003) bersandarkan kepada data empirikal yang diperolehnya. Kajian ini mendapati terdapat perbezaan dalam pembangunan politik di Malaysia berkaitan politik baharu dan politik lama yang bersifat perkauman. Ternyata, gerakan reformasi pada tahun 1998 menjadi arah baharu dalam merubah dominasi politik BN dengan menetengahkan isu-isu sejangat berkaitan keadilan sosial, kecekapan pentadbiran, akauntabiliti dan hak asasi manusia. Dengan itu, terdapat bukti jelas bahawa ciri-ciri politik lama seperti monopoli sistem satu pakatan, geo-politik keetnikan dan ketidakterlibatan golongan muda dalam politik semakin terhakis (Muhamad Takiyuddin, 2011: 66). Hakikat ini seakan-akan diterima kebenarannya pada PRU-12 apabila berlaku tsunami politik di Tanah Melayu yang menyaksikan *status quo* politik beralih daripada bersifat eksklusif kepada satu kaum kepada supra-etnik (Nazli, 2008). Keadaan yang sama diketengahkan oleh Amer Saifude Ghazali (2008) yang mendapati dalam kawasan pilihan raya bercampur kebanyakannya dimenangi oleh pakatan pembangkang, sedangkan dalam pilihan raya sebelumnya kawasan tersebut merupakan kubu kuat BN. Dalam hal ini, beliau berhujah bahawa pengundi semakin cenderung menyokong pembangkang yang banyak menabur janji berkenaan persoalan kecekapan pentadbiran, integriti dan negara kebajikan, sekali gus menolak idea politik pembangunan acuan BN. Peralihan ini sebenarnya merujuk kepada persoalan kesedaran politik dalam pembangunan politik Malaysia yang mendekati nilai-nilai sebenar pelaksanaan idea demokrasi. Kemunculan politik baharu ini mempengaruhi perkembangan politik di Malaysia daripada bersifat nasionalisme sempit kepada nasionalisme Malaysia yang bersifat sejangat apabila BN dinafikan daripada mendapat majoriti 2/3 kerusi dan menyaksikan lima buah negeri jatuh kepada pembangkang.



Perubahan ini yang menyaksikan BN mula dihukum oleh masyarakat telah diujahkan oleh Badrul Azmie dengan mengangkat persoalan globalisasi sebagai faktor yang menghakis hegemoni politik mereka sebelum ini (Badrul Azmier, 2008: 798). Dengan berlakunya globalisasi secara perlahan-lahan di Malaysia membenarkan suasana ‘dunia tanpa sempadan’ berlaku melalui interaksi menggunakan media baharu yang menciptakan bentuk tindakan dengan persekitaran politiknya. Proses tersebut tampaknya bukan sahaja merubah medium perhubungan manusia, tetapi juga menjadi alternatif untuk mendapatkan sumber pengetahuan berkaitan dengan perkembangan politik negara dan membandingkannya dengan politik luar (Puji, 2008: 70; Lee, 2016; dan Lee *et al.*, 2016). Keadaan ini akhirnya membentuk tanggapan baharu berkenaan politik di Malaysia yang sekian lama berkisarkan *power politics* kepada *imej politics*. Pada masa yang sama, gerakan sivil yang muncul pasca reformasi sedikit sebanyak berjaya melenyapkan elemen perkauman dan menampilkan persoalan-persoalan sejagat dalam politik Malaysia. Dalam hal ini, Hariszuan menyatakan bahawa gerakan sosial baharu tersebut menawarkan mekanisme semak dan imbang kerana ketidakmampuan institusi menghasilkan semula keteraturan sosial (Mohd Hariszuan, 2012: 51). Perkembangan ini dianggap menggambarkan literasi politik masyarakat Malaysia yang melangkaui persoalan etnik, agama dan kelas ekonomi, lalu menuntut pengiktirafan terhadap identiti mereka (Mohd Hariszuan, 2014: 156). Aspirasi sokongan politik berasaskan nilai sejagat ini pula dipercayai akan menghakis sentimen primodial dalam pembangunan politik di Malaysia memandangkan generasi tuanya semakin berkurangan sedangkan golongan mudanya semakin membesar.

Viksyen dalam kajiannya mengenai golongan muda masyarakat India mendapati persepsi dan partisipasi mereka pada PRU-12 adalah tinggi kesan daripada pengaruh persekitaran yang merangkumi tahap pendidikan, senario dan isu politik semasa yang membentuk pola tingkah laku serta persepsi mereka (Abdul Halim *et al.*, 2010: 50). Aspek tersebut merupakan suatu hal yang menarik untuk diperhatikan dalam memahami pembangunan politik di Malaysia, memandangkan perilaku pengundi dinyatakan berbeza berbanding pratik lama. Sekiranya sebelum ini pengundi lebih terlihat sebagai objek mobilisasi politik yang dikaitkan dengan politik feudalisme melalui ciri-ciri submisif, pasif, subjek dan taat setia tanpa berbelah bahagi kepada

pemerintah, sebaliknya sejak PRU 2008, perilaku pengundi kelihatan semakin selaras dengan nilai-nilai demokrasi (Muhamad Nadzri, 2009: 19). Maka, perubahan dalam perilaku pengundi sejak PRU-12 disifatkan sebagai ‘jiwa kesedaran baharu’ dalam kalangan masyarakat Malaysia yang merasakan diri mereka ditindas oleh sistem sedia ada. Kesedaran baharu ini yang dikatakan oleh Goenawan Mangunkusumo sebagai suatu ‘jiwa’, suatu ‘idea’ dan sikap ‘rohani’ daripada masyarakat yang diikat oleh persamaan nasib, persamaan sejarah dan persamaan cita-cita untuk membentuk kehidupan yang lebih baik (H. Roeslan, 1976: 17). Keinginan ini dipercayai menimbulkan kesedaran kritis dalam menilai akan kedudukan hak mereka dan tanggungjawab pemerintah kepada rakyatnya kerana tidak lagi hidup dalam ‘kesedaran palsu’. Secara tidak langsung, pembangunan politik di Malaysia yang semakin menjauhi BN dikatakan menggambarkan keruntuhan sistem permuafakatan politik berasaskan perkauman dan digantikan dengan permuafakatan politik bentuk baharu anjuran pembangkang berasaskan pertimbangan sosial.

Walau bagaimanapun, terdapat sarjana lain yang berhujah bahawa politik berasaskan sentimen primordial sebenarnya tidak pernah terhapus dalam pentas politik Malaysia, sebaliknya tersimpan rapi dalam diri setiap warganya. Pada masa yang sama, tanggapan berkenaan kesedaran politik sebagai aspirasi politik baharu dikatakan perlu dipertanyakan kedudukannya kerana sehingga kini kelangsungan BN sebagai sebuah parti berasaskan kaum masih terus menerajui tampuk pentadbiran negara. Begitu pula dengan kedudukan PKR dan DAP yang bersifat multi-etnik bukan sahaja kurang mendapat sokongan daripada pelbagai kaum, tetapi juga dianggap mewakili kaum masing-masing. Dalam hal ini, PKR majoritinya dianggap mewakili masyarakat Melayu, manakala DAP pula lebih cenderung mewakili masyarakat Cina. Oleh itu, parti-parti tersebut juga terpaksa bertindak seperti BN dengan mewujudkan pakatan bersama dalam usaha mendapatkan sokongan daripada pelbagai kaum. Hanya dengan pakatan ini, PKR dan DAP mendapat sokong meluas khususnya di Tanah Melayu apabila mencatatkan jumlah undi popular melebihi BN sejak dari PRU-12 hingga PRU-13 dan dijangkakan mampu menambah kawasan yang dimenangi memandangkan politik Sabah juga berada dalam keadaan kurang stabil berbanding sebelumnya. Keadaan sama dapat diperhatikan melalui gerakan sivil di Malaysia apabila semakin menampakkan ciri-ciri etnosentrisme yang berjuang untuk kepentingan etnik mereka. Maka, adalah

tidak menghairankan apabila Lemiere (2014) menyatakan bahawa gerakan sivil yang semakin membesar menunjukkan bahawa pendemokrasian semakin berjalan dengan baik, namun masih dibelenggu oleh parti politik berpaksikan etnik dan kepentingan tertentu. Hakikat ini dapat dilihat dengan kehadiran Dong Jiao Zhong, Pertubuhan Peribumi Perkasa (PERKASA), HINDRAF dan ISMA yang sebenarnya masih mewakili kepentingan Melayu-bukan Melayu.

Dengan itu, Mujibu Muis hadir dengan kenyataannya bahawa pembangunan politik di Malaysia selepas PRU-12 merupakan politik perkauman yang berubah luarannya sahaja, tetapi aspek dalamnya masih kekal berbanding sebelumnya. Kerangka ini menyebabkan faktor perkauman, permuafakatan dan dasar pecah dan perintah menjadi kekuatan BN untuk terus menerajui negara. Pada masa yang sama, beliau mempercayai bahawa proses globalisasi, perkembangan teknologi dan perubahan generasi sedikit sebanyak berjaya mengubah aspirasi politik di Malaysia. Justeru, mempengaruhi tindakan BN untuk mengikuti tuntutan politik baharu yang lebih terbuka dan sejagat sifatnya seperti yang dilakukan oleh pakatan pembangkang. Perkembangan ini menarik untuk diperhatikan dalam mengenal pasti sama ada aspek sentimen primodial terus melingkari sokongan pengundi dan bagaimana dengan aspek kesedaran politik yang dikatakan mampu menstrukturkan semula perjalanan politik Malaysia pada PRU-14 kelak. Pengaruh tersebut pula semakin relevan untuk diperhatikan dalam konteks perkembangan politik di wilayah Borneo, khususnya di negeri Sabah. Hal ini disebabkan walaupun keadaan serba tidak menentu ditunjukkan oleh penguasaan BN di Semenanjung, situasi yang berlainan berlaku dalam pengiraan peti undi di negeri terbabit. Perkara tersebut dibuktikan apabila sejumlah 140 buah kerusi yang dimenangi oleh BN, ternyata sebanyak 24 kerusi telah disumbangkan dari negeri Sabah. Disebabkan sumbangan besar ini, BN telah memperakui Sabah sebagai '*fix deposit*' dalam menentukan kelangsungan pemerintahannya di Malaysia. Namun, menjelang PRU-14 kelak adakah kekuatan sama dapat disumbangkan kembali kepada BN memandangkan kemunculan parti lokal yang diterajui oleh Parti Warisan dikatakan mendapat sokongan masyarakat rentas etnik kerana sentiasa berkempen berkenaan sejangat atau sebenarnya masih kekal dalam politik perkauman.

## **SABAH DALAM PENTAS POLITIK MALAYSIA: DARI *ETNO-NATIONALISM* KE POLITIK PEMBANGUNAN**

Penelusuran terhadap perkembangan politik di Sabah memperlihatkan sifatnya yang dinamik apabila pengundi di negeri terbabit sudah mempunyai pengalaman menggantikan pemerintah sedia ada sejak tahun 1975. Walaupun pada masa tersebut UMNO belum bertindak di Sabah, perikatan parti lokal yang bersandarkan kepada politik keetnik dan persoalan agama sudah berjalan (Ismail, 2004). Perkara ini terlihat jelas apabila USNO cenderung mendapat sokongan daripada golongan bumiputera Islam, *United Kadazan Nasional Organisation* (UNKO) dan *Pasok Momogun* pula daripada golongan bumiputera bukan Islam, manakala *Sabah Chinese Association* (SCA) daripada masyarakat Cina. Oleh itu, sejak pilihan raya pertama diadakan berkaitan Pilihan Raya Majlis Daerah dan Majlis Bandaran pada bulan Disember 1962 hingga bulan Mei 1963 memperlihatkan unsur-unsur perkauman dan keetnik memainkan peranan penting dalam memastikan kemenangan seseorang calon (Means, 1968: 294; Sabihah (a), 2008: 11; dan Ismail, 2004: 86). Kemenangan USNO misalnya adalah disebabkan mendapat sokongan daripada masyarakat bumiputera Islam di pantai barat dan pantai timur Sabah, manakala kebanyakan masyarakat Cina yang mendiami kawasan bandar memberikan sokongan kepada SCA, sedangkan UNKO dan Pasok Momogun mendapat sokongan bumiputera bukan Islam di pantai barat dan kawasan Pedalaman Sabah.<sup>1</sup> Begitu pula semasa berlakunya persaingan kuasa antara Tun Mustapha Datu Harun dengan Tun Fuad Stephens menyaksikan SCA menyokong Tun Mustapha kerana menganggap *United Pasok Momogun Kadazan Organisation* (UPKO)<sup>2</sup> sebagai ‘anti-cina’ (Sabihah (a), 2004: 12; dan, Ismail Yusoff, 2004: 86). Pertikaian ini dianggap bukan hanya berkaitan kedudukan sebagai Ketua Menteri, tetapi sebaliknya kuasa yang dimilikinya mampu digunakan untuk menjaga hal-ehwal masyarakat Islam atau bukan Islam.

Perkara yang sama ditunjukkan semasa pilihan raya 1967 yang membawa kepada pelantikan Tun Mustapha sebagai Ketua Menteri selepas USNO dan SCA membentuk perikatan, manakala UPKO telah dipinggirkan dan menjadi parti pembangkang. Namun, beberapa tahun kemudian, UPKO semakin lemah menyebabkan Tun Fuad Stephen bertindak membubarkan parti tersebut demi kepentingan masyarakat Kadazandusun, perpaduan bumiputera

bukan Islam dan masa depan politiknya, lalu menyeru ahli-ahli UPKO agar menyertai USNO. Dalam hal ini, Ismail Yusoff menyatakan bahawa kejayaan Tun Mustapha dan pembubaran UPKO sebagai tanda kemenangan USNO dan bermulanya zaman penguasaan Islam di Sabah (Ismail, 2004: 89), tetapi dianggap sebagai zaman kegelapan bagi masyarakat bukan Islam. Oleh sebab tiada parti pembangkang yang mampu mencabar Perikatan Sabah semasa pilihan raya negeri berlangsung pada tahun 1971, kesemua kerusi yang dipertandingan telah dimenangi oleh USNO-SCA. Kemenangan ini tampaknya tidak berjaya membawa kestabilan yang menyeluruh apabila timbul kemarahan dalam kalangan masyarakat Kadazandusun dan Cina atas dasar pengislaman beramai-ramai yang didanai oleh USNO (Rooney, 1981: 220). Begitu pula, timbul tuduhan dalam kalangan pemimpin bukan Islam bahawa Tun Mustapha bahawa beliau sengaja membawa masuk masyarakat Islam dari selatan Filipina untuk meramaikan lagi komposisi etnik beragama Islam di negeri ini (Ramli & Eko Prayitno, 2015; Ismail, 2004: 94). Akhirnya, usaha menjatuhkan USNO dan pemimpinya mencapai kemuncaknya apabila di akhir tempuk pemerintahan Tun Mustapha menyaksikan beliau sering kali bertentangan dengan kehendak pemerintah pusat seperti desakan untuk mendapatkan kuasa autonomi Sabah, peranan beliau dalam Pertubuhan Islam Antarabangsa, bantahan beliau terhadap hubungan diplomatik Malaysia-China dan saranan beliau untuk membawa keluar Sabah daripada Malaysia menyebabkan hubungan antara kerajaan negeri dengan kerajaan pusat menjadi kompleks (Asmady & Suzalie, 2014: 179; dan, Sabihah (a), 2008: 14–15). Keadaan ini akhirnya membawa kepada penubuhan parti baharu bersifat *multi-racial* dikenali sebagai Parti Bersatu Rakyat Jelata (BERJAYA) atas sokongan kerajaan pusat yang dianggap oleh masyarakat bukan Islam sebagai harapan baharu dalam menegakkan hak mereka (Rooney, 1981: 220).

Kemunculan isu-isu tersebut membolehkan BERJAYA menewaskan Parti Perikatan Sabah semasa pilihan raya negeri 1976 apabila memenangi 38 kerusi yang dipertandingkan, sedangkan USNO hanya mendapat 20 kerusi. Peralihan ini bukan sahaja memberi pengalaman baharu kepada rakyat Sabah, tetapi juga sebenarnya membuktikan sokongan berasaskan keetnikan tidak dapat diketepikan. Hakikat ini terbukti apabila kebanyakan kerusi yang dimenangi oleh BERJAYA diperolehi daripada sokongan masyarakat bumiputera bukan Islam dan Cina, manakala USNO daripada

masyarakat bumiputera Islam. Malahan, BERJAYA kemudiannya berjaya mengalihkan sokongan bumiputera Islam daripada USNO pada pilihan raya negeri 1981 apabila memenangi 44 buah kerusi daripada 48 buah kerusi yang dipertandingkan kerana penerusan dasar pengislaman dan kegiatan dakwah secara sistematik serta rancangan pembangunan negeri yang berkesan. Begitu pula sokongan bumiputera bukan Islam terhadap BERJAYA kerana dasar Harris Salleh yang memberikan kebebasan bergerak kepada agama Kristian dan kelestarian budaya etnik mereka. Walau bagaimanapun, pada penggal kedua pemerintahan BERJAYA, sokongan bumiputera Islam semakin berkurangan kerana menganggap Harris Salleh gagal menjaga kepentingan mereka, sebaliknya lebih mementingkan keperluan bumiputera bukan Islam khususnya masyarakat Kadazandusun.

Justeru, semasa pilihan raya negeri 1985, BERJAYA telah dikalahkan oleh Parti Bersatu Sabah (PBS) yang juga berdiri atas kapasiti *multi-racial*, tetapi kebanyakan pemimpin utamanya terdiri daripada masyarakat Kadazandusun. Kekalahan ini disebabkan bumiputera Islam di pantai timur kembali menyokong USNO yang dianggap sebagai peneraju Islam. Begitu pula, kebanyakannya bumiputera Islam marah dengan pemecatan Kumpulan 17 dan pemimpin utamanya, Datu Abdul Hamid Tun Mustapha daripada jawatan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan kerana masih mengenang jasa dan ketokohan Tun Mustapha dalam mengembangkan Islam di Sabah. Pada masa yang sama, bumiputera bukan Islam yang diterajui oleh masyarakat Kadazandusun marah dengan tindakan Harris Salleh memecat dan melucutkan jawatan Datuk Joseph Pairin Kitingan yang dianggap sebagai Huguan Siou mereka daripada jawatan Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Kehilangan sokongan ini dapat diperhatikan pada pilihan raya negeri 1985 tersebut apabila BERJAYA hanya mendapat enam kerusi, manakala PBS mendapat 25 kerusi sedangkan USNO pula memenangi 16 kerusi. Keputusan ini menunjukkan kebanyakan masyarakat Kadazandusun dan orang Cina mengalihkan sokongan mereka kepada PBS, manakala bumiputera Islam pula kembali menyokong USNO.

Begitu pula apabila pilihan raya negeri diadakan semula pada tahun 1986 selepas berlaku ketegangan antara Datuk Joseph Pairin Kitingan dengan Tun Mustapha menyaksikan jumlah kerusi yang dimenangi oleh PBS semakin

bertambah menjadi 34 kerusi, manakala kerusi yang dimenangi oleh USNO semakin berkurangan menjadi 12 sahaja. Keadaan ini disebabkan sokongan bumiputera Islam terpecah antara USNO, BERJAYA dan PBS sedangkan bumiputera bukan Islam keseluruhannya menyokong PBS. Sebahagian masyarakat Islam yang menyokong PBS kerana mereka terkesan dengan bahaya yang akan dihadapi sekiranya rusuhan 1985 berulang kembali, manakala bumiputera bukan Islam pula didakychkan dengan bahaya yang akan dihadapi oleh budaya dan agama Kristian sekiranya parti berorientasikan Islam kembali menjadi pemerintah (Nadira, 2013). Dengan kemenangan PBS ini menyaksikan hubungan antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri menjadi dingin kerana dasar pemerintahannya yang bertentangan dengan kehendak Kuala Lumpur. Dalam hal ini, PBS dikatakan giat menyuarakan semboyan ‘Sabah untuk orang Sabah’ yang meliputi persoalan royalti minyak, Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI), Borneonisasi, penyerahan kembali Labuan kepada Sabah, rangkaian radio yang tersendiri, mengkaji semula ISA serta Perkara 20 khususnya aspek bahasa, agama dan pendidikan yang telah diselaraskan semasa pemerintahan Tun Mustapha (Sabihah (b), 1992: 380–391; Ramli *et al.*, 2016; Wan Shawaluddin & Ramli, 2007 dan Ramli & Kamarulnizam, 2017 & 2018).

Dasar pemerintahan PBS yang tidak mesra Kerajaan Pusat membolehkannya memperoleh kemenangan besar di kawasan majoriti masyarakat Kadazandusun, Murut dan orang Cina, tetapi menjauhkannya daripada bumiputera Islam. Pilihan raya ini menyaksikan PBS berjaya memenangi 36 kerusi, manakala 12 kerusi lagi telah dimenangi oleh USNO di kawasan pantai timur yang majoritinya bumiputera Islam. Perkara ini dapat diperhatikan semasa pilihan raya negeri 1990 bukan sahaja merenggangkan lagi hubungan Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri, malahan bumiputera Islam merasa semakin terpinggir dan tertekan kerana menganggap PBS ‘anti-Islam.’ Dalam hal ini, golongan terpelajar Islam yang belajar di luar negara telah dipanggil balik, manakala kebanyakan biasiswa yang dikeluarkan oleh Yayasan Sabah hanya diberikan kepada golongan bukan Islam.<sup>3</sup> Pada masa sama, PBS bertindak membawa ramai orang Timor yang beragama Kristian untuk terlibat dalam sektor pertanian bagi mengimbangi populasi bumiputera Islam yang semakin bertambah semasa era pentadbiran USNO dan BERJAYA. Begitu pula dengan dasar pembukaan tanah baharu untuk pertanian di pantai

timur Sabah yang sebahagian besarnya melibatkan penempatan masyarakat Kadazandusun, dianggap bertujuan melebarluaskan populasi etnik tersebut seperti yang dilakukan oleh Kerajaan Filipina terhadap masyarakat Islam di selatan Filipina. Tindakan yang dilakukan oleh PBS menyebabkan terdapat usaha menghidupkan kembali saranan untuk membawa masuk *United Malays National Organisation* (UMNO) ke Sabah bagi memperjuangkan kepentingan bumiputera Islam yang sekian lama terabai (Hamdan & Syahrin, 2017: 568).

Untuk menyelesaikan krisis politik yang sedang berlangsung di Sabah, maka UMNO telah dibawa masuk dengan menyediakan calon semasa pilihan raya kecil Usukan pada 12 Mei 1991. Kemenangan yang berpihak kepada UMNO tersebut membolehkannya mengatur strategik menjelang pilihan raya negeri 1994 dengan slogan ‘Sabah Baru’ meliputi program pembangunan luar bandar dan kawasan pedalaman, meningkatkan prasarana sekolah, menubuhkan sebuah universiti dan pembentukan zon perdagangan bebas. Pada masa yang sama, BN mendapat kelebihan daripada pertelingkahan pucuk kepimpinan PBS sebelumnya yang menyaksikan Mark Koding, Kalakau Untol dan Pandikar Amin keluar daripada parti. Walaupun terdapat pendapat yang menyatakan krisis kepimpinan ini bermula apabila Datuk Joseph Pairin Kitingan banyak membelakangkan Mark Koding sebagai Timbalan Presiden PBS berkaitan urusan pentadbiran negeri (Hamdan & Syahrin, 2017: 572). Namun, terdapat pula pendapat yang menyatakan bahawa konflik tersebut juga disebabkan perbezaan dalam isu sebelumnya yang menyentuh berkenaan identiti masyarakat Kadazan – Dusun. Dalam hal ini, Mark Koding dipercayai berusaha mengangkat identiti Dusun melalui Persatuan Dusun Sabah Bersatu (USDA), manakala Datuk Joseph Pairin Kitingan kekal dengan identiti Kadazan sebagai suatu yang berlainan dengan Dusun. Kemuncak kepada perbalahan ini menyebabkan Mark Koding dipecat daripada jawatannya sebagai Menteri Pembangunan dan Perindustrian Negeri menyebabkan beliau keluar daripada PBS (Azman, 22 Mei 2001). Pemimpin PBS yang keluar ini kemudiannya menubuhkan Parti Angkatan Keadilan Rakyat (AKAR) dan menjadi sebahagian daripada komponen BN. Masalah kepimpinan PBS ini berterusan menjelang pilihan raya negeri 1994 apabila Yong Teck Lee bertindak keluar daripada parti akibat tidak sehaluan dengan pemimpin parti lalu menubuhkan Parti Progresif Sabah (SAPP) yang terbuka kepada pelbagai etnik (Sabihah (a), 2008: 20).



Perubahan politik di Sabah ini tampaknya masih tidak dapat mengekang kemenangan PBS pada tahun 1994 apabila memenangi 25 kerusi, manakala BN yang pada ketika itu diterajui oleh UMNO, AKAR, SAPP dan *Liberal Democratic Party* (LDP) hanya mendapat 23 kerusi. Walau bagaimanapun, PBS hanya dapat mentadbir Sabah selama kurang daripada tiga minggu lamanya apabila enam ADUN daripada parti tersebut bertindak keluar parti dan menyertai gabungan BN. Akibatnya, pada 17 Mac 1994 Pairin Kitingan terpaksa melepaskan jawatannya sebagai Ketua Menteri, manakala PBS terpaksa berundur bagi membolehkan BN menubuhkan kerajaan negeri yang baharu. Kehilangan kuasa PBS sebagai pemerintah negeri diburukkan lagi apabila barisan pemimpinnya meninggalkan parti dan menubuhkan parti baharu berorientasikan sokongan Kadazandusun dan Murut. Hakikat ini terbukti apabila Bernard Dompok menubuhkan Parti Demokratik Sabah (kemudiannya menjadi *United Pasokmomogun Kadazandusun Murut Organization*), manakala Joseph Kurup menubuhkan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) yang kemudiannya diterima menjadi komponen BN. Perkembangan ini yang mempengaruhi jumlah sokongan pengundi dan kemenangan BN pada pilihan raya negeri 1999 apabila memenangi 31 kerusi, manakala PBS mengalami kemerosotan sokongan menjadi 17 kerusi. Kegagalan PBS mempertahankan sokongan pengundi kerana sokongan masyarakat bumiputera bukan Islam khususnya Kadazan-Dusun-Murut telah berpecah dengan kemunculan parti-parti baharu yang didokong oleh ketua-ketua dalam PBS sebelum ini sedangkan UMNO mendapat sokongan besar dalam kalangan bumiputera Islam.

Kehilangan sokongan daripada pengundi bumiputera bukan Islam akhirnya mempengaruhi PBS untuk kembali menjadi komponen BN pada tahun 2002. Dengan itu, politik Sabah menjadi semakin stabil dan masyarakatnya dikatakan mula mempertimbangkan persoalan pembangunan yang mengatasi politik *ethno-nasionalism*. Pemulangan kuasa kepada BN menyebabkan pemerintah kembali mengamalkan visi dan misi yang selaras dengan hasrat kerajaan pusat melalui Dasar Pembangunan Nasional. Matlamat ini yang menjadi barisan hadapan BN membolehkannya memperoleh kemenangan besar dalam pilihan raya negeri 2004 apabila mendapat 59 kerusi daripada 60 kerusi yang dipertandingkan, sedangkan satu kerusi lagi dimenangi oleh calon bebas menafikan pengaruh daripada Parti Keadilan, Pasok, DAP dan

Bersekutu. Sepanjang tempoh berkempen, calon BN menggunakan isu pembangunan dan perpaduan etnik sebagai jalan mendapatkan sokongan daripada pengundi yang sememangnya dahagakan pembangunan digiatkan di Sabah, manakala persoalan perkauman dapat dikecilkan jurangnya. Begitu pula semasa berlangsung pilihan raya negeri 2008, didapati Sabah diistilahkan sebagai negeri tanpa 'tsunami politik' apabila berjaya memperoleh 59 kerusi DUN, manakala satu kerusi pula dimenangi oleh DAP. Pada masa ini, Sabah mencatatkan sejarahnya yang tersendiri apabila menjadi tembok terakhir pengekalan *status-quo* kepada BN untuk memerintah negara apabila menyumbangkan 24 kerusi daripada 25 kerusi Parlimen yang dipertandingkan. Kebanyakan kawasan Parlimen di Sabah masih berada di bawah kategori luar bandar atau desa, sekali gus membawa makna bahawa masyarakat di luar bandar memberi sokongan besar kepada BN akibat terkesan dengan isu pembangunan yang diketengahkan oleh calon pemerintah.

Politik pembangunan yang berjaya meraih sokongan besar masyarakat Sabah ini bukanlah suatu yang menghairankan kerana Sabah mencatatkan kadar kemiskinan yang tinggi, iaitu sebanyak 23 peratus berbanding kadar kemiskinan kebangsaan sebanyak 5.7 peratus pada tahun 2004 (Mat Zin, 2011: 112). Perkara ini yang kebanyakannya masih berlangsung di kawasan luar bandar di Sabah menyaksikan isu pembangunan menjadi keutamaan utama kepada mereka khususnya berkaitan bekalan asas kehidupan seperti jalan raya, air dan elektrik. Begitu pula dengan pelaksanaan pembangunan di Sabah yang tidak seimbang sifatnya apabila lebih tertumpu di kawasan bandar, manakala kawasan luar bandar sangat jarang menikmati pembangunan. Hakikat tersebut dapat dilihat dengan menelusuri keberadaan Bandaraya Kota Kinabalu, Sandakan dan Bandar Tawau, sedangkan pekan-pekan lain yang menjadi pusat pertemuan masyarakat seperti Kudat, Kota Marudu, Lahad Datu, Kunak dan Semporna masih tertinggal jauh. Dengan sebab itu, timbul tanggapan dalam kalangan masyarakat bahawa BN gagal menunaikan manifesto pembangunannya, manakala Pakatan Rakyat mengkritik dasar-dasar pembangunan BN yang tidak seimbang. Kesannya dapat dilihat pada PRU-13 apabila sokongan terhadap BN di Sabah semakin berkurangan, terutamanya di kawasan bandar, manakala di kawasan luar bandar peratus kemenangan calon BN semakin mengecil. Hakikat ini terlihat jelas apabila BN hanya memperoleh 48 kerusi, manakala Pakatan Rakyat mendapat 11 kerusi

sedangkan STAR yang mewakili parti lokal hanya mendapat 1 kerusi sahaja. Bersandarkan kepada perkembangan politik Sabah yang dinamik ini, adakah aspirasi pengundi menjelang PRU-14 masih ditentukan oleh persoalan ikatan primodial yang merujuk kepada aspek sentimen primodial atau dominasinya lebih terarah kepada isu-isu semasa yang melibatkan persoalan integriti, ketelusan, keadilan dan pembangunan merangkumi aspek kesedaran politik?

### **POLITIK SABAH DALAM PENTAS PRU-14: ANTARA SENTIMEN PRIMODIAL ATAU KESEDARAN POLITIK**

Pilihan Raya Umum (PRU) yang diadakan setiap lima tahun sekali bukan sahaja memperlihatkan perkembangan politik dan kedaulatan sesebuah negara, tetapi juga kematangan penyertaan politik masyarakatnya. Maka dengan itu, pilihan raya sangat penting dalam menyuburkan sistem demokrasi yang sekian lama dilaung-laungkan dari Barat ke Timur sebagai sistem terbaik untuk dilaksanakan oleh setiap negara. Dalam konteks Sabah, pendemokrasian politik berjalan secara berperingkat-peringkat yang dipertunjukkan buat pertama kalinya pada tahun 1967 dan kembali menghampiri rakyatnya pada tahun 2018 apabila ke PRU-14 bakal diadakan. Keberadaan ini menyebabkan Sabah menjadi salah satu tumpuan daripada saintis sosial dan ahli politik dalam membincangkan survival BN dan pengaruh Pakatan Pembangkang khususnya parti lokal seperti Parti Warisan, Parti Cinta Sabah (PCS), Parti Anak Negeri (PAN) dan *Sabah Progressive Party* (SAPP) dalam politik Sabah. Oleh itu, adalah tidak berlebihan untuk mengatakan bahawa pilihan raya kali ini dapat diibaratkan sebagai ‘bapa segala pilihan raya’ kerana persaingan hebat berlaku antara BN dan Pakatan Pembangkang. Adakah politik bersandarkan ikatan primodial yang berkaitan dengan konsep sentimen primodial masih mampu menarik sokongan masyarakat untuk mengundi BN atau masyarakat telah beralih kepada nilai-nilai sejagat mencakupi kecekapan urus tadbir kerajaan dalam konteks kesedaran politik untuk memberikan sokongan mereka kepada Pakatan Pembangkang?

Atas maksud tersebut, kajian ini dijalankan sebelum pembubaran Parlimen di lapan buah kawasan Parlimen<sup>4</sup>, mencakupi kawasan pedalaman, luar bandar dan bandar di Sabah. Kawasan ini pula menggambarkan kepada

orientasi geopolitik bersifat keetnikan apabila taburannya merangkumi kawasan etnik bumiputera dan bukan bumiputera serta merentasi batas etnik beragama Islam dan bukan Islam. Umumnya, kajian ini dijalankan terhadap lapan ribu orang responden yang dibahagikan mengikut kawasan parlimen terpilih. Setiap kawasan parlimen ini diperuntukkan 1,000 orang responden yang dibahagikan mengikut setiap DUN untuk mewakili aspirasi pengundi di kawasan terbabit. Sepanjang menjalankan kajian, metode yang digunakan adalah merangkumi pengedaran borang soal selidik dan temu bual dengan sepuluh orang responden bagi setiap DUN dalam satu Parlimen. Bersandarkan kaedah tersebut, seramai 4,528 orang responden lelaki telah dipilih, manakala 3,472 pula terdiri daripada responden wanita. Begitu pula dengan tahap umur menyaksikan seramai 1,717 responden berumur antara 21–30 tahun, 2034 untuk responden berumur antara 31–40, 1,874 untuk responden berumur antara 41–50 tahun dan 2,375 untuk responden berumur 51 tahun ke atas. Karakter responden dari aspek kepercayaan merangkumi 5,434 orang Islam, 101 Buddha, 47 Hinddu, 2,396 Kristian dan 22 orang tiada agama. Di samping itu, tahap pendidikan yang diperoleh merangkumi 1,028 orang tidak bersekolah, 1666 mendapat pendidikan sekolah rendah, 4,388 mendapat pendidikan di peringkat sekolah menengah, 912 orang lagi mendapat pendidikan sehingga peringkat kolej atau universiti, manakala seramai enam orang pula dalam kelompok lain-lain. Bersandarkan kepada latar belakang terbabit, kajian ini akan mengenal pasti pembinaan aspirasi politik pengundi dalam menentukan sokongan politik mereka menjelang PRU-14 yang akan diadakan.

Daripada kajian yang dilakukan mendapati sebahagian besar responden mengakui bahawa semasa pembuangan undi kelak, mereka mampu memilih dengan rasional sama ada dipengaruhi oleh persoalan sentimen primordial atau persoalan kesedaran politik. Dalam konteks ini, rasional yang dimaksudkan bukan berkisar pemahaman bahawa tradisi sebagai pemikiran terbelakang dan moden sebagai penanda kemajuan, tetapi lebih ditentukan oleh kefahaman untuk memilih bersandarkan kepada suatu yang dipercayai dalam memperjuangkan hak mereka sebagai warganegara. Perkara ini perlu agar satu kesimpulan jelas dapat diambil bersandarkan kepada kenyataan responden yang ditemui khususnya dalam mentafsirkan faktor sokongan mereka semasa PRU-14 berlangsung kelak. Dalam hal ini, adalah didapati seramai 7,780

orang responden bersetuju bahawa mereka mampu menentukan sokongan politik mereka secara rasional menjelang PRU-14, 213 orang pula menyatakan sebaliknya, manakala tujuh orang lagi masih ragu dengan kemampuan mereka untuk melakukan perkara tersebut. Oleh itu, dapat ditarik kesimpulan bahawa segala keputusan yang akan berlaku semasa PRU-14 dilakukan secara rasional berdasarkan kepada keterikatan terhadap survival primodial mahupun kepercayaan terhadap ideologi, nilai-nilai baharu atau isu-isu semasa yang dibahaskan. Perkara ini dapat disaksikan melalui maklumat berikut:

**Jadual 1** Kerasionalan pengundian menjelang PRU-14

| Perkara     | Jumlah |
|-------------|--------|
| Ya          | 7,780  |
| Tidak       | 213    |
| Tidak Pasti | 7      |

N=8,000

*Sumber* Kerja lapangan (2018)

Sokongan pengundian yang dilakukan secara rasional ini dapat dijadikan penanda aras dalam menguji persoalan sentimen primodial atau kesedaran politik yang akan mempengaruhi pemilihan politik responden. Dalam hal ini, hasil kajian mendapati bahawa 5,876 orang menyatakan pemilihan politik mereka ditentukan oleh isu semasa, 388 orang pula dibentuk oleh keluarga, manakala 1,462 orang oleh pemimpin lokal dan selebihnya 274 orang tidak memberikan jawapan kepada soalan terbabit. Sekiranya jumlah ini diperhatikan keberadaannya, maka dapat diambil kesimpulan bahawa sebahagian besar sokongan politik responden ditentukan oleh persoalan kesedaran politik, sebaliknya persoalan sentimen primodial semakin berkurangan menjelang pengundian kelak. Kedekatan responden kepada isu semasa sudah pasti memberikan kelebihan besar kepada parti pembangkang memandangkan banyak isu seputar yang sedang berjalan sebelum PRU-14 adalah dianggap liabiliti kepada BN. Dalam hal ini, media alternatif seperti *Malaysia kini*, *Malaysia today*, *Roketkini* dan *Suara Keadilan* kerap menyiarkan masalah berkaitan penyalahgunaan kuasa pemimpin BN, isu FELDA dan isu GST yang dikatakan membebankan rakyat, masalah ekonomi negara, isu IMDB yang dikaitkan secara langsung dengan Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Tun Razak sudah menjadi perbincangan harian 'kedai kopi'

dan kerap dibahaskan di media sosial, sekali gus mempengaruhi aspirasi pengundian responden yang tentunya mampu mengganggu gugat survival BN khususnya di Sabah. Pada masa sama, media *Mainstream Media* kendalian pemerintah yang berusaha meneutralkan isu-isu semasa tersebut dianggap suatu yang membosankan dan bertindak menipu rakyat sehinggakan berita yang disiarkannya gagal mendapat perhatian dan kepercayaan responden menyebabkan pengaruh BN semakin berkurangan dalam kalangan masyarakat Sabah. Perkara ini dapat dibuktikan melalui maklumat berikut:

**Jadual 2** Faktor penentu pengundian pada PRU-14 kelak

| Perkara                  | Jumlah |
|--------------------------|--------|
| Isu Semasa               | 5,876  |
| Keluarga                 | 388    |
| Pemimpin Lokal           | 1,462  |
| Tidak Memberikan Jawapan | 274    |

N=8,000

Sumber Kerja lapangan (2018)

Pembentukan nilai baharu yang menjadi faktor penentu undi menjelang PRU-14 ini dipercayai dibentuk secara langsung oleh akhbar alternatif dan media sosial yang semakin didekati oleh segenap lapisan generasi. Dalam hal ini, Vromen melalui kajiannya tentang penggunaan internet dan penyertaan politik di Australia misalnya mendapati terdapat ‘jurang digital’ antara yang berumur 18–34 tahun mengikut demografi wilayah, pendidikan, pendapatan dan kelas pekerjaan. Hal ini demikian kerana, medium baharu mampu menyediakan ruang alternatif kepada masyarakat untuk pencarian maklumat dan memberi ruang kepada interaksi dalam komunikasi politik. Maka dengan sebab itu, pelbagai saluran maklumat melalui media baharu dimunculkan khususnya oleh Pakatan Pembangkang kerana media sedia ada dianggap berada dalam kongkongan parti pemerintah, sekali gus membolehkan maklumat berkenaan perkembangan politik negara menjadi pelbagai dimensi bagi mengimbangi maklumat daripada akhbar *mainsteram* yang dikawal pemerintah. Teknologi maklumat dan ICT ini yang kemudiannya mempengaruhi perubahan politik dalam kalangan masyarakat di Malaysia dengan memperluaskan penyertaan politik, perolehan dana kempen dan e-mobilisasi (Hara & Youngmin, 2007; Hooghe & Vissers, 2009; Tedesco, 2011). Pengaruh media baharu dalam membentuk sokongan politik ini

menyebabkan ahli politik kerap menggunakan internet sebagai medium mengetengahkan kerja yang mereka lakukan atau mengangkat prestasi semasa parti. Perkara ini disebabkan terdapat bukti bahawa penggunaan teknologi pada PRU-8 mendapati calon-calon yang dapat menguasai sistem teknologi telekomunikasi berjaya mendapat keputusan yang cemerlang (Mohd Fuad *et al.*, 2012: 86).

Pada PRU-9 pula menyaksikan calon yang menguasai internet dan telekomunikasi berjaya dengan cemerlang. Dengan kecanggihan alat telekomunikasi dan kelajuan capaian internet pada masa kini, maka akhbar *mainstream*, radio dan TV tidak lagi menjadi rujukan utama sepanjang tempoh berkempen disebabkan orang ramai lebih tertumpu kepada internet dan sumber telekomunikasi seperti Whatsapp, Facebook, Youtube dan juga Twitter. Sekiranya persaingan media dan perang siber ini dilihat dalam konteks falsafah Marxis sudah pasti BN akan kalah menjelang PRU-14 memandangkan Karl Marx pernah berhujah bahawa ‘jika mahu menguasai pemikiran rakyat, maka perlu menguasai institusi media terlebih dahulu.’ Keyakinan yang sama sebenarnya telah diungkapkan oleh Datuk Seri Najib Tun Razak yang mengakui bahawa sejak PRU-13 adalah pemilihan menerusi media sosial di Malaysia (*Berita Harian*, 19 April 2018).<sup>5</sup> Hal ini bermakna, kecenderungan pemilihan parti yang kebiasaannya bersandarkan kepada pengaruh ikatan primodial sudah dicabar dominasinya dalam kalangan pengundi di Malaysia amnya dan Sabah khususnya. Keadaan ini disebabkan, kebanyakan pengundi di Sabah sudah mampu memiliki telefon pintar, manakala kebanyakan kawasan sudah mempunyai akses kepada internet yang merupakan sumber pengetahuan baharu kepada mereka. Oleh itu, kebanyakan responden yang ditemui menyatakan lebih cenderung mendapatkan sumber maklumat daripada media baharu kerana lebih mudah, terbuka dan menarik perbahasannya berbanding sumber maklumat sedia ada. Malahan, mereka juga menyatakan mampu membahaskan isu yang dikemukakan secara berkelompok dalam bentuk maya agar setiap isu tersebut dapat difahami dalam pelbagai perspektif dan dibandingkan dengan isu-isu semasa yang sedang dan pernah melingkari politik dunia kerana media baharu menjadikan ‘dunia berada diujung jari’. Peristiwa ini banyak mempengaruhi pemikiran rakyat Sabah, termasuklah responden yang ditemui apabila melihat berlakunya ketidakadilan dan kekurangan dalam sistem pemerintahan di negerinya.

Dalam hal ini, kebanyakan responden merasakan mandat yang mereka berikan kepada kerajaan telah disalahgunakan dengan hanya menjaga kepentingan individu-individu tertentu. Maka dengan sebab itu, apabila responden ditanyakan berkenaan sumbangan BN sejak 24 tahun sudah di Sabah, kebanyakannya cenderung memerihalkannya dari aspek negatif berbanding positif. Respons sedemikian sudah tentu dipengaruhi oleh pendedahan responden kepada akhbar alternatif dan media sosial yang digerakkan oleh Pakatan Pembangkang, NGO dan aktivis dalam usaha mereka mengubah Malaysia daripada politik bersifat perkauman. Kesannya, usaha *cyber trooper* BN untuk mengetengahkan peranan kerajaan dalam membangun dan memajukan Sabah khususnya semasa era pemerintahan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ditenggelamkan dengan isu-isu negatif yang dimunculkan oleh Pakatan Pembangkang, NGO dan aktivis tadi. Perkara ini dibuktikan apabila kebanyakan saluran maklumat melalui media baharu ini didahului oleh Pakatan Pembangkang kerana menyedari rakyat Malaysia khususnya golongan belia mempunyai kecenderungan melakukan aktiviti berkaitan media selama 32.6 jam sehari, melayari internet selama lebih kurang 20 jam seminggu dan 10.6 jam digunakan untuk menonton televisyen (Eko Prayitno *et al.*, 2016: 10). Oleh itu, adalah tidak menghairankan apabila kebanyakan responden yang ditemui mengakui bahawa penyampaian maklumat melalui media baharu lebih dijuarai oleh Pakatan Pembangkang berbanding BN. Hakikat ini terbukti apabila seramai 1,428 orang sahaja menyatakan bahawa BN aktif menyampaikan maklumat mengenai sumbangan parti tersebut kepada rakyat Sabah, manakala 6,511 orang menyatakan Pakatan Pembangkang lebih terkehadapan, 41 orang lagi memberikan jawapan tidak pasti, manakala 20 orang responden pula tidak memberikan jawapan kepada persoalan yang dikemukakan. Secara tidak langsung, perkara ini mempengaruhi aspirasi sokongan responden menjelang PRU-14 yang sebahagian besar daripada mereka menyatakan lebih tertarik dengan isu-isu semasa berbanding pengaruh lainnya. Keyakinan berkenaan pengaruh media dalam membentuk sokongan politik responden dapat diperhatikan melalui jadual berikut:



**Jadual 3** Penyampaian maklumat melalui media alternatif/sosial

| <b>Parti</b>        | <b>Jumlah</b> |
|---------------------|---------------|
| Barisan Nasional    | 1,428         |
| Pakatan Pembangkang | 6,511         |
| Tidak Pasti         | 41            |
| Tidak Menjawab      | 20            |

N=8,000

*Sumber* Kerja lapangan, 2018

Aspirasi sokongan responden menjelang PRU-14 yang dipercayai dibentuk melalui media alternatif dan media sosial ini pula kemudiannya mempengaruhi kriteria parti politik yang dipilihnya. Daripada kajian yang dilakukan mendapati persoalan berkaitan sentimen primodial mendominasi sokongan responden apabila seramai 2,911 orang memilih berdasarkan manifesto menjana pembangunan, diikuti oleh seramai 1,864 orang memilih berdasarkan kepada calon berkaliber, bersih dan berpendidikan, 911 orang pula memilih berdasarkan kepada memperjuangkan isu kemanusiaan manakala 745 orang responden ditentukan oleh kemampuan pemimpin dalam menunaikan janji pilihan rayanya. Aspek-aspek yang disebutkan ini adalah jelas berdasarkan kepada persoalan isu-isu semasa yang terkeluar dari lingkaran politik ikatan primodial yang dipercayai mampu mengekalkan survival BN untuk beberapa pilihan raya lagi. Sedangkan, sokongan politik berdasarkan sentimen primodial semakin berkurangan apabila mencatatkan seramai 1,085 orang sahaja memilih berdasarkan isu mempertahankan agama dan bangsa, diikuti oleh 435 orang lagi memilih berdasarkan kemampuan seseorang calon untuk menjaga perpaduan kaum. Maklumat ini menunjukkan kebanyakan responden yang ditemui bukan sahaja semakin terdedah dengan media alternatif dan media sosial, tetapi juga semakin matang menilai persoalan keadilan untuk mereka yang bernaung di bawah payung BN. Oleh itu, kemampuan dan keberanian pakatan pembangkang dan masyarakat biasa dalam mengetengahkan persoalan keadilan, ketelusan, korupsi, kronisme dan nepotisme melalui media alternatif dan media sosial berbanding media arus perdana berjaya mempengaruhi pembentukan nilai baharu dalam kalangan responden yang berkemungkinan besar akan dijemakan dalam bentuk undi menjelang PRU-14. Perkara ini dapat diperhatikan melalui jadual berikut yang

menunjukkan persoalan kesedaran politik lebih mendominasi pemilihan parti politik berbanding persoalan sentimen primodial:

**Jadual 4** Kriteria parti politik yang dipilih

| Kriteria                                   | Jumlah |
|--|--------|
| Memperjuangkan isu kemanusiaan             | 911    |
| Mempertahankan agama dan bangsa            | 1,085  |
| Manifesto menjana pembangunan              | 2,911  |
| Menjaga perpaduan kaum                     | 484    |
| Calon berkualiti, bersih dan berpendidikan | 1,864  |
| Menunaikan Janji                           | 745    |

N=8,000

Sumber Kerja lapangan (2018)

Walaupun pelbagai pendekatan telah diambil oleh BN melalui skim perumahan rakyat, BR1M, KR1M dan bantuan pendidikan (KUAM dan BB1M). Pada masa sama manfaatnya diselubungi dengan isu-isu semasa yang dikemukakan oleh Pakatan Pembangkang melibatkan isu 1MDB, kemewahan berlebihan Datin Seri Rosmah Mansoor, isu FELDA serta kemelaratan ekonomi negara. Perkara ini ditambah lagi dengan sentimen yang sedia dimainkan berkenaan kredibiliti pentadbiran BN di bawah Ketua Menteri, Datuk Seri Panglima Musa Aman yang dikaitkan dengan isu ketelusan, korupsi, kronisme dan nepotisme sehinggakan timbul kenyataan bahawa beliau berusaha meletakkan ahli keluarganya sebagai wakil rakyat dan menafikan individu lain yang kuat bekerja serta berkecayaan. Isu-isu terbabit sebenarnya lebih banyak menarik perhatian rakyat Sabah sehingga menimbulkan perasaan benci dan curiga terhadap kepimpinan BN yang dianggap semakin rosak dan perlu diperbetulkan. Dengan itu, dapat diperhatikan bahawa penyertaan politik dalam kalangan masyarakat Sabah sangat dipengaruhi oleh kewujudan isu-isu berbangkit yang sering dikaitkan dengan pemerintahan BN. Secara tidak langsung, mereka bukan sahaja semakin terdedah dengan media baharu, tetapi juga semakin matang menilai persoalan-persoalan keadilan untuk rakyat yang bernaung di bawah payung BN. Keadaan ini membuktikan bahawa kebanyakan responden tidak lagi dapat ‘dimomokkan’ dengan unsur kebendaan semata-mata, tetapi perkara yang lebih penting bagi mereka adalah kecekapan urus tadbir dan kredibiliti pemimpin dan imej parti politik. Maka, adalah tidak menghairankan

apabila responden yang ditemui menyatakan bahawa mereka bukan tidak menghargai sumbangan BN, sebaliknya menyatakan bahawa kemungkarannya yang dilakukannya juga perlu diperhatikan agar tidak merosakkan masyarakat dan negeri Sabah pasca PRU-14.

Justeru, kriteria isu yang diperjuangkan oleh parti politik menjelang PRU-14 akhirnya mempengaruhi sokongan responden terhadap pembuangan undi mereka. Perkara ini dapat dilihat apabila seramai 2,532 orang menyatakan akan mengundi BN, manakala 3,877 pula menyatakan sebaliknya dengan menyokong Pakatan Pembangkang. Sebaliknya, sokongan terhadap Gagasan Sejahtera tidak mendapat tempat yang memberangsangkan dalam konteks Sabah walaupun pertambahan kerusi telah dilakukan apabila mencatatkan seramai 134 orang sahaja yang berkeyakinan akan menyokong gabungan tersebut. Pada masa yang sama, seramai 1,457 orang masih tidak dapat menentukan sokongan politik mereka walaupun persoalan sentimen primodial dan kesedaran politik melingkari kehidupan mereka. Tampaknya, perkara ini bukanlah suatu yang memeranjatkan kerana faktor sokongan politik responden ditentukan oleh isu semasa berbanding ikatan primodial. Dalam hal ini, Pakatan Harapan berusaha membawa imej sebagai parti yang bersifat multietnik dan mementingkan persoalan integriti, kecekapan urusan pentadbiran serta pembangunan yang seimbang, manakala BN bukan sahaja dianggap gagal membangunkan Sabah dengan baik secara keseluruhan, tetapi juga semakin dimomokkan sebagai parti orang Melayu dan parti orang Malaya yang menjajah dalam bentuk baharu. Begitu pula dengan Gagasan Sejahtera masih gagal mendapat sokongan daripada masyarakat Sabah khususnya di kawasan bumiputera bukan Islam kerana dikhuatiri mampu menggugat hak masyarakat bukan Islam seperti yang berlaku semasa era pentadbiran USNO. Hakikat ini dapat diperhatikan melalui jadual berikut:

**Jadual 5** Parti yang disokong untuk memerintah Negeri/DUN menjelang PRU-14

| <b>Kriteria</b>                        | <b>Jumlah</b> |
|--|---------------|
| Barisan Nasional                       | 2,532         |
| Pakatan Harapan (PH/PPBM/PWS/PHS)      | 3,877         |
| Gagasan Sejahtera (PAS/IKATAN/BERJASA) | 134           |
| Tidak Pasti                            | 1,457         |

N=8,000

*Sumber* Kerja lapangan (2018)

Perubahan dominasi sokongan politik yang diperhatikan ini sebenarnya berkait rapat dengan perubahan generasi pengundi di Sabah yang kebanyakannya tidak mempunyai keterikatan jelas bersama BN. Kelompok pengundi muda ini dijangkakan melebihi 40 peratus daripada keseluruhan jumlah pengundi yang lebih mandiri kerana lebih dekat dengan media baharu, desakan pekerjaan, tekanan ekonomi dan lebih dipengaruhi dengan nilai-nilai baharu yang dekat dengan persoalan demokrasi sebenar (Ahmad Faris, 18 Januari 2018). Wadah perbincangan politik mereka berkemungkinan besar tidak lagi dipengaruhi secara jelas oleh lingkaran keluarga, etnik dan agama, sebaliknya lebih bersifat pemaknaan hak mereka sebagai warganegara yang kian terhimpit dengan tekanan kehidupan. Oleh itu, kelompok ini lebih tertarik dengan tawaran yang dikemukakan kepada mereka sehinggakan Pakatan Pembangkang memasukkan usaha memperkasakan golongan muda dalam manifesto yang merangkumi soal meringankan beban hidup yang ditanggung anak muda, menanggung bayaran pinjaman pendidikan, penghapusan GST, penyelarasan gaji minimum dan mengembalikan status Sabah seperti yang termaktub dalam Perkara 20 (Manifesto Pakatan Harapan pada PRU-14, 2018: 26). Tawaran yang dikemukakan oleh Pakatan Pembangkang ini sebenarnya juga tidak banyak berbeza dengan tawaran yang dikemukakan oleh BN melalui Program Jaminan Orang Muda (JOM) merangkumi usaha menjamin pekerjaan dan latihan, meningkatkan pendapatan dan kemahiran pekerja muda, memperkasa ekonomi belia luar bandar, memudahkan usahawan muda mendapat bantuan, meringankan keluarga muda, memastikan peluang untuk segenap segmen dan mengangkat idea generasi TN50 (Manifesto Barisan Nasional pada PRU-14, 2018: 2).

Walaupun tawaran yang dikemukakan oleh BN sangat bermanfaat dalam kalangan pengundi muda, kebanyakan responden yang ditemui ragu dengan kemampuan parti pemerintah untuk merealisasikannya bersandarkan kepada pengalaman dalam PRU sebelum ini. Oleh itu, timbul stigma yang beranggapan segala janji BN adalah ‘janji tinggal janji’ kerana hanya muncul pada setiap lima tahun sekali, menyebabkan impak kepada pengundi muda sangat jauh daripada yang diharapkan. Sebaliknya, keyakinan mereka kepada Pakatan Pembangkang adalah tinggi bersandarkan kepada sifat keterbukaan, kelantangan dan pendedahan berterusan yang dilakukannya dalam membela kepentingan rakyat. Begitu pula dengan kelompok pengundi tua yang kebanyakannya diketahui menjadi penyokong kuat BN tampaknya mula mengalihkan sokongan politik mereka kepada Pakatan Pembangkang kerana semakin terkesan dengan slogan ‘Sabah Ubah’ bagi kelompok bumiputera Islam, manakala kelompok bumiputera bukan Islam pula lebih dekat dengan ‘gelombang agenda Borneo’. Kedua-dua slogan tersebut dianggap mampu mendudukkan semula hak rakyat dan negeri Sabah sekiranya BN dapat dikeluarkan daripada negeri ini. Pada masa yang sama, sejak PBS menyertai semula BN pada tahun 2002, tidak terdapat sebarang parti lokal yang kuat dan mampu menghantar wakilnya untuk bertanding di setiap kawasan Parlimen dan DUN melainkan dengan kemunculan Parti Warisan dan Gabungan Sabah menjelang PRU-14. Kemunculan parti baharu ini membolehkan usaha menumbangkan BN mendapat tempatnya apabila pengundi mempunyai pilihan untuk mengundi calon pembangkang walaupun kebanyakannya masih tidak berpengalaman atau sekadar calon ‘kitar semula’.

## **KESIMPULAN**

Sekiranya hasil kajian ini dijadikan landasan, maka sudah pasti menjelang PRU-14 akan buat julung kalinya BN akan dikalahkan di Sabah atau sekurang-kurangnya persaingan sengit dapat disaksikan. Keadaan ini disebabkan perkembangan semasa menunjukkan transformasi pengundi yang lebih berani, progresif, kompetitif serta melayakkannya diklasifikasikan sebagai era baharu dalam politik Sabah. Ternyata, kebanyakan rakyat Sabah pada masa kini adalah golongan yang berbeza pemikirannya berbanding pengundi sebelumnya yang lebih banyak dibentuk oleh persoalan sentimen primordial

berbanding persoalan kesedaran politik. Keadaan semasa menunjukkan responden yang ditemui semakin terhakis dengan ikatan primordial dan lebih terkesan dengan persoalan melibatkan integriti, ketelusan, keadilan dan kemakmuran ekonomi yang seimbang yang kerap dilaungkan oleh Pakatan Pembangkang. Hal ini demikian kerana responden yang akan mengundi menjelang PRU-14 adalah mereka yang lahir, terasuh dan terbentuk melalui proses modenisasi dan diperkukuhkan dengan proses globalisasi yang sedang berlangsung. Mereka ini begitu terdedah kepada norma-norma baharu termasuklah persoalan kenegaraan dan kemasyarakatan. Maka, adalah tidak keterlaluan sekiranya mereka diibaratkan sebagai generasi baharu yang begitu kritikal terhadap persoalan-persoalan mendasar yang berkait rapat dengan kemandirian masyarakat dalam konteks politik-ekonomi di Sabah. Namun, sejauh manakah keperibadian atau pun wajah-wajah baharu responden ini berjaya meruntuhkan tembok lama politik Sabah? Ataupun wajah-wajah baharu ini hanya bersifat 'suam-suam kuku' sahaja dan akan beralih ke takuk lama menjelang fasa-fasa terakhir pembuangan undi hanya akan diketahui semasa keputusan PRU-14 diumumkan kelak.

## PENGHARGAAN

Ucapan penghargaan diberikan kepada pihak Universiti Malaysia Sabah kerana kajian ini dibiayai oleh pihak universiti melalui Geran SDK0033-2018.

## NOTA

- <sup>1</sup> Daripada 137 kerusi yang dipertandingkan, USNO mendapat 53 kerusi, UNKO 39 kerusi, Pasok Momogun 12 kerusi, SCA (SANAP) dan Bebas enam kerusi. Keputusan pilihan raya tersebut menunjukkan tidak terdapat sebarang parti yang beroleh kemenangan besar sehingga dapat menguasai Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran secara bersendirian.
- <sup>2</sup> *United Pasok Momogun Kadazan Organisation* (UPKO) adalah hasil gabungan Parti *United Kadazan Nasional Organisation* (UNKO) dan *Pasok Momogun*.
- <sup>3</sup> Temu bual dengan responden 1 pada 27 Disember 2017 bertempat di Bandar Kota Kinabalu; temubual dengan responden 2 pada 22 Februari 2018 bertempat di Bandar Kota Kinabalu; dan, temu bual dengan responden 3 pada 21 Mac 2018 bertempat di Bandar Kota Kinabalu.
- <sup>4</sup> Parlimen yang dipilih adalah Parlimen Kota Belud, Batu Sapi, Sepanggar, Semporna, Beaufort, Sandakan, Tawau dan Kota Marudu.

<sup>5</sup> Statistik menunjukkan 24.5 juta penduduk Malaysia adalah pengguna internet (76.9 peratus) dan selebihnya (23.1 peratus) tidak memiliki akses kepada internet. Kajian Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mendapati telefon pintar menjadi medium utama kepada pengguna internet, iaitu sebanyak 89.4 peratus (21.9 juta orang), berbanding medium lain seperti komputer riba, *notebook* dan komputer.

## **RUJUKAN**

- Abdul Halim Sidek *et al.* (2010). Penolakan sentimen etnik dalam politik semasa Malaysia: Kajian kes pilihan raya kecil 2009 Bukit Selambau, Kedah. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 6 (3), 46–56.
- Ahmad Faris Abd Halim. (2018). Sabah sukar diramal. *Utusan Online*. 18 Januari.
- Ahmad Nidzammudin Sulaiman *et al.* (Ed). (1994). *Politik Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amer Saifude Ghazali. (2008). Politik etnik dalam pilihan raya parlimen 2008 di Malaysia: Suatu analisis. Dlm. Worrn Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib & Abdul Kadir Rosline (Eds.). *Prosiding seminar politik Malaysia: Landskap Politik Malaysia Pasca Pilihan Raya ke-12*. Kota Kinabalu: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Asmady Idris & Suzalie Mohammad. (2014). Kelangsungan dominasi Barisan Nasional di Sabah dalam Pilihan Raya Umum ke-13. *Kajian Malaysia*, 32 (2), 171–206.
- Azman Anuar. Berakhirnya AKAR. *Utusan*. 22 Mei 2001.
- Badrul Azmier Mohamad @ Bakar. (2008). Lima puluh tahun dominasi Barisan Nasional dalam politik Malaysia: Suatu analisis. Dlm. Worrn Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib & Abdul Kadir Rosline (Eds.). *Prosiding Seminar Politik Malaysia: Landskap politik Malaysia Pasca Pilihan Raya ke-12*. Kota Kinabalu: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Baszley Bee Basrah Bee, Sabihah Osman & Nordin Sakke. (2009). *Asas kajian persempadan negeri Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- Chew Hock Thye. (1979). *Masalah perpaduan nasional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Eko Prayitno Joko. (2014). Isu pemilikan wilayah pantai timur Sabah: Satu penelusuran daripada sudut sumber sejarah. *Jurnal Kinabalu*, 20, 1–34.
- Eko Prayitno Joko, Zaini Othman & Saat Awg. Damit. (2016). Belia dan kelangsungan hegemoni Barisan Nasional: Kajian kes Pilihan Raya Umum 13 di Sabah. *Jurnal Komunikasi Borneo, Edisi Khas*. 1–18.
- H. Roeslan Abdulgani. (1976). *Soetomo yang saya kenal*. Jakarta: Yayasan Idayu.

- Hamdan Aziz & Syahrin Said. (2017). The United Malays National Organisation (UMNO) in Sabah, East Malaysia: An Overview 1990–1994. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7 (12), 565–575.
- Ismail Yusoff. (2004). *Politik dan agama di Sabah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- J.S Furnivall. (1983). *Hindia Belanda: Satu pengkajian ekonomi majmuk*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- John Rooney. (1981). *Khabar Gembira: A history of the Catholic church in East Malaysia and Brunei, 1880–1976*. London: Mill Hill Missionaries.
- K. J. Ratnam. (1969). *Faham perkauman dan proses politik di Malaya* (terj. Kassim Ahmad). Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- Khoo, G. & Lo, D. (1977). *Asian transformation: A history of South and East Asia*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books.
- Lee Kuok Tiong & Mohd Safar Hashim. (2016). Artikulasi isu-isu sejarah dalam media massa di Malaysia. *Jebat*, 43 (1), 1–18.
- Lee Kuok Tiong *et al.* (2016). Kegunaan dan kepuasan portal berita dalam kalangan belia Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 32 (2), 791–816.
- Malaysiakini*. 25 April 2013.
- Manifesto Barisan Nasional. (2018). Bahagian jaminan orang muda (JOM). Manifesto Pakatan Harapan pada PRU-14. 2018.
- Mat Zin Mat Kib. (2011). Sumbangan Sabah dalam Pilihan Raya Umum ke-12: Relevansi politik pembangunan. *Jurnal Melayu*, 6, 105–120.
- McGee, T. G. (1962). The Malayan elections of 1959: A study in electoral geography. *The Journal of Tropical Geography*, 16, 70–99.
- Means, G. P. (1968). Eastern Malaysia: The politics of federalism. *Asian Survey*, 8 (4), 289–308.
- Mohd Fuad Jali *et al.* (2012). Akses kepada internet dan kesannya terhadap partisipasi politik penduduk di negeri Johor. *Geografia: Malaysia Journal of Society and Space*, 8 (6), 76–89.
- Mohd Hariszuan Jaharudin. (2012). *Gerakan sosial baru pasca reformasi: Usaha mengembalikan fungsi ruang awam*. Dlm. Haris Zuan & Rizal Hamdan (Eds.). *Wacana baru politik Malaysia: Perspektif ruang awam, budaya dan institusi*. Petaling Jaya: SIRD.
- Mohd Hariszuan Jaharudin. (2014). Pilihan Raya Umum ke-13: Perubahan budaya politik Malaysia dan krisis legitimasi moral Barisan Nasional. *Kajian Malaysia*, 32 (2), 149–169.
- Mohd Yusuf Kasim & Azlan Ahmad. (2002). *Politik baru dalam pilihan raya umum*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhamad Nadzri Mohamed Noor. (2009). *Politik Malaysia di persimpangan: Praktik politik dalam PRU 2008 dan kontemporari*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Center.



- Muhamad Takiyuddin Ismail. (2011). Konservatisme dalam politik UMNO. *Jebat: Malaysia Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 38 (1), 57–80.
- Muhiddin Yusin. (1990). *Islam di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nadira Ilana. (2013). Dokumentari *The Silent Riot*. Kuala Lumpur: KOMAS.
- Nazli Aziz. (2008). Pilihan Raya Umum ke-12 dan perhubungan kaum di Malaysia: Suatu ‘bicara.’ Dlm. Worrnan Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib & Abdul Kadir Rosline (Eds.). *Prosiding Seminar Politik Malaysia: Landskap Politik Malaysia Pasca Pilihan Raya ke-12*. Kota Kinabalu: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Puji Rianto. (2008). Globalisasi media dan transformasi politik international. *Jurnal Ilmu Komunikasi*, 5 (1), 67–83.
- Rabushka, Alvin. (1973). *Race and urban politics in modern Malaya*. Stanford: Hoover Institution Press.
- Ramli Dollah & Eko Prayitno Joko. (2015). Dasar ‘Memakmurkan Jiran’ dan penglibatan Malaysia dalam proses keamanan di Selatan Filipina. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 42 (1), 77–112.
- Ramli Dollah & Kamarulnizam Abdullah. (2017). Kepesatan pembangunan ekonomi dan dasar tenaga kerja di Sabah, 1960an–1980an. *MANU*, 25, 49–74.
- Ramli Dollah & Kamarulnizam Abdullah. (2018). The securitization of migrant workers in Sabah, Malaysia. *Journal of International Migration & Integration*, 19 (3), 17–735.
- Ramli Dollah, Marsitah Mohd Radzi, Wan Shawaluddin Wan Hassan & Amrullah Maraining. (2015). Elemen fizikal dan bukan-fizikal dalam pembentukan sempadan: Pengalaman pembentukan identiti dalam kalangan komuniti sempadan di Pantai Timur Sabah, Malaysia. *Geografia*, 11 (7), 9–20.
- Ramli Dollah, Wan Shawaluddin Wan Hassan, Diana Peters & Zaini Othman. (2016). Old threats, new approach and national security in Malaysia: Issues and challenges in dealing with cross-border crime in East Coast of Sabah. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 7 (3), 178–186.
- Ramli Dollah *et al.* (2017). Peranan peristiwa dalam pembentukan identiti: Peristiwa Tanduo 2013 dan pembentukan identiti masyarakat Suluk (Tausug) di Sabah. *Jurnal Kinabalu*. 23. 21–42.
- Rustam Sani. (2004). *Asal usul golongan kiri Melayu: Satu analisis berkenaan Kesatuan Melayu Muda*. Petaling Jaya: SIRD.
- Sabihah Osman (a). (2008). Pembangunan politik Sabah: Satu penelusuran sejarah. *Jurnal Kinabalu*, 14, 1–28.
- Sabihah Osman (b). Pembangunan politik Sarawak: Satu penelusuran sejarah. Dlm. Ahmad Nidzammudin (Ed.). *Prosiding pilihan raya dan pembangunan politik Sarawak*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sabihah Osman (c). (1992). The 1990 Sabah state elections: implications for Malaysian unity. *Asian Survey*, 32 (4), 380–391.

- Sanusi Osman. (1979). Perkauman dan perpaduan. *Akademika*, 14, 53–68.
- Temu bual dengan 10 orang responden 21 pada 22 Februari 2018 bertempat di Bandar Kota Kinabalu.
- Temu bual dengan responden 1 pada 27 Disember 2017 bertempat di Bandar Kota Kinabalu. Temu bual dengan responden 3 pada 21 Mac 2018 bertempat di Bandar Kota Kinabalu.
- Tilman, R.O. (1972). Dlm. resensi buku Vasil. *Journal of Asian Studies*, 32 (1), 154–157.
- Vasil, R. K. (1971). *Politics in plural society: A study of non-communal political parties in west Malaysia*. Kuala Lumpur. Oxford University Press.
- Wan Shawaluddin Wan Hassan & Ramli Dollah. (2007). Impak Kehadiran Pendatang Filipina di Kampung Air di Sabah. *Jurnal Kinabalu*, 15, 89–114.
- Wan Shawaluddin Wan Hassan, Ramli Dollah & Dewi Herviani. (2015). Tenaga Kerja Indonesia (TKI) Bugis dalam sektor perladangan kelapa sawit di Sabah. *MANU*, 22, 61–79.
- Wan Shawaluddin Wan Hassan, Zaini Othman & Ramli Dollah. (2008). Pemerintah dan pendatang asing di Sabah: Satu analisis kritikal. *MANU: Jurnal penataran Ilmu dan Bahasa*, 14, 1–23.
- Yahya Ismail. (1986). *Politik Islam di Sabah*. Kuala Lumpur: Dinamika Kreatif Sdn. Bhd.
- Zaini Othman *et al.* (2016). Malaysia's 13th General Election: Sabah-Barisan Nasional Fixed-Deposit State? *Southeast Asia Review, Korea*, 26 (3), 91–118.